AKADEMI HARIMAU ASIA

# Media coverage

## *Bicara Merdeka Kedua*

24 August 2019,
Akademi Kenegaraan (BTN),
Bukit Petaling, Jalan Bellamy.



Perhimpunan 'Say No To Zakir Naik' dibatalkan 6



Atuk, cucu maut kemalangan di Gerik 19



Nizar kalah pemilihan Amanah di Gopeng 3


Sinar harian
TELUS & TULUS





21





AHAD | 25 OGOS 2019 | 24 ZULHIJAH 1440 | BIL: 4724 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian Sinar.tv sinarharian RM1.20


# REDAKAN SENTIMEN RAJA, AGAMA, KAUM

**Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mendedahkan bahawa laporan yang diterima pihak berkuasa berkaitan isu raja, agama dan kaum di Malaysia pada tahun ini didapati meningkat dua kali ganda berbanding tahun lalu**



FOTO: BERNAMA

**"Ramai yang bertanya apa yang sedang berlaku kepada Malaysia dan ini membawa maksud bahawa masyarakat berasa terkesan dengan isu perkauman yang sudah mula membara dengan 'suhu' semakin meningkat."** - Kata Muhyiddin pada sidang media selepas menyampaikan ucap utama di sebuah forum di Akademi Kenegaraan di Kuala Lumpur semalam. 2

## UKM beri peluang kedua kepada pelajar pedofilia 4



Sinar NEGERI Tengah

## 26,000 penyewa PPR di Kuala Lumpur tidak bayar sewa 30




Aman Palestin
aid for freedom
BANTUAN UNTUK SYRIA
KELENGKAPAN MUSIM SEJUK
BANTUAN KECEMASAN
PEK MAKANAN
PEMANAS & KEROSENE
RM150
MUAT TURUN SEKARANG!
App Store
Google play
Jom Menyumbang
Aman Palestin - AP
03 8922 2017
018 290 3013
www.amanpalestin.net
Aman Palestin Official




Ahad 25 Ogos 2019

# Suhu sentimen 3R naik dua kali ganda

***Isu sentimen agama, kaum, raja membimbangkan***

HASNIZA HUSSAIN

**KUALA LUMPUR**

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa semua pihak termasuk kumpulan dan badan bukan kerajaan (NGO) mewakili kaum dan agama untuk berhenti memainkan isu sentimen 3R berkaitan kaum, agama dan institusi diraja.

Beliau berkata, berdasarkan data yang dikumpul Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkaitan tiga isu itu, berlaku peningkatan dua kali ganda pada tahun ini berbanding tahun lalu.

Menurutnya, ia menunjukkan terdapat kecenderungan tidak baik oleh pihak tertentu berkaitan tiga perkara itu yang digunakan untuk mewujudkan sentimen perkauman sebagai muslihat politik atau tidak puas hati dengan perkara tertentu dalam negara.

Katanya, kerajaan bimbang dengan kecenderungan pihak terbabit yang dilihat berterusan memainkan isu itu kerana ia akan meningkatkan lagi 'suhu' perkauman di negara ini.

"Dalam situasi sekarang, kita nak rakyat faham, yang kita mahu suhu yang meningkat berdasarkan sentimen kaum dan agama ini dapat diturunkan. Secepat mana boleh turun kita tidak tahu tetapi lebih cepat, lebih baik untuk negara.

"Kalau ada pihak masih tak puas hati dan tak ambil kira suhu yang meningkat ini, bermakna akan berlaku sesuatu yang tidak baik.

"Sebagai menteri saya beri amaran tegas dan memaklumkan kepada polis supaya tidak bertolak ansur dalam keadaan begini," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucaptama pada majlis forum Bicara Kemerdekaan Kedua anjuran Akademi Harimau Asia di sini semalam.

Muhyiddin berkata, tindakan tegas akan diambil menggunakan undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan sentimen 3R itu.

Beliau berkata, Akta Hasutan buat masa ini masih dikuatkuasakan dan belum dimansuhkan.

"Soal ia hendak dipinda atau dihapuskan adalah perkara kedua. Selagi belum mansuh, ia masih dikuatkuasakan. Soal sama ada, ada yang setuju atau tidak, itu soal lain.

"Saya fikir semua orang setuju kerana yang penting soal keamanan dan keselamatan negara tidak boleh dikompromi," katanya.

FOTO: BERNAMA



**Muhyiddin (kiri) menerima cenderahati daripada Ketua Penyelaras Akedemi Harimau Asia, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal selepas program di Kuala Lumpur semalam.**

**Sentimen 3R merujuk kepada:**

- *Race* (kaum)
- *Religion* (agama)
- *Royalty* (Raja)

Wadah Pembaharuan
BH AHAD
Diterbit sejak 1957
www.bharian.com.my
RM2.00
25 Ogos 2019
24 Zulhijah 1440H
Tel: 1 300 22 6787
PP 417/09/2012(030685)

## Operasi KLIA kembali pulih

Muka 4




## Doktor jadi ibu susuan bayi emak koma

Muka 64



## Henti main isu agama, bangsa, raja

Muka 8





B*POP

## Peluang kedua Nana

Muka 32/33


PERSPEKTIF

Ternak terumbu karang

Dapatkan di dalam!




Lapan syarikat teknologi maklumat dikenakan penalti RM1.92 juta pada Mac lalu kerana berkomplot bida tender ditawarkan ASWARA.

Eksklusif

# Bongkar komplot monopoli tender

Sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit disiasat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) susulan maklumat beberapa syarikat menggunakan alamat dan akaun bank sama berkomplot menguasai proses bidaan.

Muka 3


Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail

## Rakyat harus miliki sikap tanggungjawab ketika kemuka pendapat

**Kuala Lumpur:** Rakyat berbilang kaum di negara ini harus mempunyai sikap tanggungjawab ketika mengemukakan pendapat terutama membabitkan persoalan provokatif di media sosial.

Pengasas Pusat Kajian dan Dokumentasi Pementasan Tradisional Melayu (PUSAKA), Eddin Khoo Bu Eng berkata, beliau melihat kritikan yang dimuat naik di platform itu masih di tahap kurang matang.

Beliau berkata, rakyat negara ini gagal memanfaatkan ledakan teknologi apabila mereka masih menggunakan media sosial dengan berkongsi perkara 'bodoh'.

"Pada masa ini, yang saya khuatir dan risau adalah kita melahirkan masyarakat yang separuh celik.

"Ini menjadi jauh lebih berat apabila kita ada ruang menerusi media sosial, satu-satu landasan untuk mereka yang berfikiran 'lanun' untuk mengutarakan kadang-kadang pendapat yang sangat provokatif.

"Yang anehnya mengenai media sosial, ia berinteraksi di tahap psikologi. Sebenarnya apabila kita ditanya secara waras adakah kita percaya dengan media sosial, kita kata tidak, tetapi apabila kita berinteraksi, kita kongsi juga yang 'bodoh-bodoh' itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Kemerdekaan Kedua: Cabaran Membina Malaysia di Alaf Baru anjuran Akademi Harimau Asia, di sini, semalam.

Akademi Harimau Asia adalah sebuah akademi digital di bawah Inisiatif Harimau Asia yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membawa Malaysia ke arah status negara maju dan disegani sebagai *The Asian Tiger.*

*Henti main isu agama, bangsa, raja*

# Rakyat diminta turun 'suhu' sentimen kaum

## Kerajaan beri amaran pihak perguna isu 3R: Muhyiddin

**Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Fahmy A Rosli**
bhnews@bh.com.my




***Muhyiddin menerima cenderahati daripada Wan Ahmad Fayhsal** selepas forum Bicara Kemerdekaan Kedua di Kuala Lumpur, semalam.*
[Foto Asyraf Hamzah/BH]

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memberi amaran mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang mempergunakan isu bangsa, agama dan raja (3R) yang boleh mencetuskan sentimen kebencian antara kaum.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ia berikutan data yang dikumpulkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan dua kali ganda pada tahun ini terhadap tahap kecenderungan pihak tertentu mahu menggunakan isu berkaitan 3R bagi mencetuskan sentimen perkauman berbanding tahun lalu.

Katanya, pihak terbabit menggunakan isu 3R untuk mewujudkan sentimen perkauman kerana sebab tertentu termasuk muslihat politik atau tidak puas hati dengan perkara tertentu dalam negara.

Justeru, beliau memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap pihak berkaitan menerusi segala undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 kerana ia menunjukkan sesuatu yang tidak baik terhadap keamanan dan keselamatan negara.

"Akta Hasutan buat masa sekarang masih dikuatkuasakan. Soal ia hendak dipinda atau dihapuskan adalah perkara kedua. Ia masih ada, belum dimansuhkan.

"Saya hendak mengingatkan jangan 'main-main'. Polis ada. Mereka tahu dan diberi arahan untuk gunakan apa juga undang-undang yang ada.

"Akta Hasutan selagi ia belum dimansuhkan, ia masih dikuatkuasakan. Soal sama ada ada yang setuju atau tidak, itu soal lain. Saya fikir semua orang setuju kerana yang penting soal keamanan dan keselamatan negara tidak boleh dikompromi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucaptama dalam majlis forum Bicara Kemerdekaan Kedua anjuran Akademi Harimau Asia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Penyelaras Akademi Harimau Asia, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

Muhyiddin berkata, kerajaan bimbang dengan kecenderungan kumpulan terbabit yang berterusan memainkan isu 3R kerana ia akan meningkatkan lagi 'suhu' perkauman di negara ini.

Beliau meminta semua kumpulan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mewakili kaum dan agama berhenti memainkan isu berkenaan.

"Dalam situasi sekarang kita mahu rakyat, 'suhu' yang meningkat berdasarkan sentimen kaum dan agama dapat diturunkan. Secepat mana boleh turun kita tidak tahu, tetapi lebih cepat lebih baik untuk negara.

"Kalau ada pihak masih tidak puas hati, tidak kira tahap suhu (perkauman) meningkat, ia akan jadi tidak baik. Sebagai menteri saya beri amaran tegas dan memaklumkan kepada polis supaya tidak bertolak ansur dalam keadaan begini.

"Saya tidak mahu apa yang terbina selama ini diruntuhkan. Kita akan sambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-62 beberapa hari lagi. Ia boleh runtuhkan negara disebabkan perbuatan pengkhianatan pihak tidak bertanggungjawab ini.

"Memang betul dalam Pakatan Harapan (PH) kita benarkan kebebasan bersuara dan media bebas melaporkan, tetapi perlu ada ada rasa tanggungjawab," katanya.

Mengulas perhimpunan di Brickfields, Muhyiddin berkata, beliau mengarahkan polis mengambil tindakan terhadap pihak yang didapati melanggar Akta Perhimpunan Aman 2019.

Sementara itu, dalam ucaptamanya, Muhyiddin berkata semua pihak tidak perlu mengungkit jasa masing-masing terhadap negara kerana ia tidak membawa faedah kepada pembangunan negara pada masa depan.

Katanya, sejarah sudah membuktikan bahawa semua kaum dan golongan ada sumbangan tertentu masing-masing kepada negara ini.

"Setiap kumpulan kaum dan masyarakat ada sumbangan masing-masing. Tidak perlu dinilai berapa peratus sama ada 60 peratus, 30 peratus atau 10 peratus tetapi kita bersama-sama memberi sumbangan.

"Tidak boleh kata mereka saja yang menyumbang kepada pembangunan negara. Kita perlukan satu sama lain. Dalam pembentukan Malaysia ini kita tidak boleh elakkan perkara sebegitu.

"Kalau ada rasa tidak puas hati, jangan kita ungkit soal yang sudah dipersetujui, isu bahasa, soal agama, soal hak Bumiputera dan hak masing masing dalam negara kita, Institusi Raja, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan hak kaum lain menganuti serta amalkan agama lain," katanya.

Justeru, katanya, semua pihak dinasihat berhenti mengungkit isu 3R yang menjadi perkara asas termaktub dalam Perlembagaan.

# 'GoJek perlu dilihat dalam konteks, ekosistem lebih meluas'

**Kuala Lumpur:** Pengenalan GoJek di pasaran negara bukan sekadar menawarkan perkhidmatan teksi motosikal, malah ia perlu dilihat dalam konteks dan ekosistem yang lebih meluas.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata jika dilihat pelaksanaan perkhidmatan motosikal itu di Indonesia dan Thailand, ia memberi manfaat meluas terhadap pelbagai lapisan masyarakat di situ.

Beliau berkata, antara pihak yang bakal mendapat kesan positif susulan pelaksanaan perkhidmatan GoJek di negara ini adalah seperti peniaga 'warung tepi jalan'.

"Ada yang kata (pengenalan Gojek) ini bukan cara kita untuk jadikan Malaysia maju. Kenapa secara tiba-tiba mahu fokus motosikal? Tetapi, kita kena lihat bahawa realitinya ekosistem Gojek itu lebih besar.

"Kalau pergi ke Indonesia dan Thailand, boleh tahu perbezaannya. Di sana pasaran lebih besar jika tengok Grab Food dan Food Panda juga merangkumi perkhidmatan tempahan makanan di warung kecil.

"Grab Food dan Food Panda, kita boleh tempah makan di warung kecil misalnya yang terletak di depan rumah sekalipun.

"Jika di Malaysia, kita tak boleh buat tempahan di warung kecil sekali gus pemilik perniagaan berkenaan tidak dapat manfaat daripada ekosistem yang besar.

"Contohnya, dulu dapat 50 tempahan. Selepas ekosistem itu wujud meningkat empat hingga lima kali ganda. Selepas itu, semua orang di kawasan berkenaan (di Indonesia dan Thailand) boleh tempah dengan mudah. Tetapi Malaysia tak boleh," katanya pada Forum Kemerdekaan Kedua anjuran Akademi Harimau Asia di sini, semalam.

Pada 18 Ogos lalu, Syed Saddiq berhasrat mahu memperkenalkan perkhidmatan teksi motosikal atau lebih dikenali sebagai Gojek.

Bagaimanapun, beberapa pihak membantah cadangan itu dengan pelbagai sebab terutama dalam soal keselamatan dan agama.

Pada 21 Ogos, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof memberitahu bahawa Kabinet secara prinsipnya bersetuju terhadap cadangan mewujudkan perkhidmatan GoJek di negara ini.

Berikutan itu, Kementerian Pengangkutan akan melakukan kajian terperinci terhadap cadangan memperkenalkan perkhidmatan itu.

RM1.50

PP412/09/2012 (030687) | AUGUST 25, 2019

# new sundaytimes

ESTABLISHED 1845



# 'DON'T MESS WITH THIS BOND'

The home minister issues this warning against the backdrop of a surge in issues of race, religion and royalty.

» REPORT ON **PAGE 8**




**Get the PT3 exam-based practice for papers 1 & 2 with the NST on Tuesday**

» REPORT ON **PAGE 11**

3R ISSUES

# MUHYIDDIN WARNS RABBLE-ROUSERS

Home minister says fanning sensitive issues will sow disunity in the nation

ADIB POVERA
**KUALA LUMPUR**
adibpovera@nst.com.my



*Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin (left) speaking at the launch of the second session of the 'Bicara Merdeka' programme in Kuala Lumpur yesterday. With him is Akademi Harimau Asia chief coordinator Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.* PIC BY ASYRAF HAMZAH

"JANGAN main-main (don't fool around)". This was the warning issued by Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin against some quarters fanning sensitive issues.

Muhyiddin said fanning such issues would only sow disunity among the people in a multiracial and multireligious nation such as Malaysia.

Based on data and intelligence gathering briefed to him and Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad, Muhyiddin said the tendencies of individuals and groups harping on issues related to race, religion and royalty, or 3R, had almost doubled this year compared with last year.

"I had instructed the inspector-general of police (Datuk Seri Abdul Hamid Bador), as well as state police chiefs and police commissioners, to use all existing laws against those causing discord uneasiness in the country by touching on 3R issues and other sentiments.

"As home minister, I will not compromise and tolerate people and groups whose actions disrupt public order and cause chaos. The Pakatan Harapan government embraces and upholds freedom of speech and freedom of media, but we must have a sense of responsibility for our actions too."

Muhyiddin said this after launching the second session of the "Bicara Merdeka" programme here yesterday.

The day-long programme was organised by Akademi Harimau Asia, a digital academy under the Asian Tiger initiative launched by Dr Mahathir on April 1 last year.

Muhyiddin said some quarters were capitalising on sensitive issues to gain political mileage or because they were unhappy with the administration.

"We should not do this (harp on sensitive issues) at the expense of peace and harmony of the country, which was built and nurtured since Malaysia gained independence."

Muhyiddin denied that the increase in 3R issues stemmed from the fact that the government was in the process of amending and repealing several legislation, including the Sedition Act 1948.

"The law is still in place. The government has yet to make any decision whether to repeal or amend some provisions of the act.

"We may even absorb it into the Penal Code. This is just a proposal as no decision has been made yet.

"However, the ministry and the police will enforce all available legislation involving the security and public order of the country, which should not be compromised."

He urged community leaders, heads of religious groups, as well as non-governmental organisations to continue their efforts in strengthening cooperation among the people to maintain peace and harmony.

Earlier in his speech, Muhyiddin expressed concern about the increasing tendencies among people and groups to engage in insensitive actions and use remarks that could undermine national unity.

He called on all parties to refrain from disputing what had been agreed upon and enshrined in the Federal Constitution.

Malaysia, he said, could not move forward without the contribution of all its people.

GROWTH

# Minister outlines challenges in achieving developed nation status

**KUALA LUMPUR:** The greatest challenge faced by the government in returning Malaysia to its former glory is developing the country according to its own mould instead of relying on recognition by international organisations.

Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said although Malaysia planned to meet the benchmark imposed by global bodies, such as the United Nations Development Programme and Organisation for Economic Cooperation and Development, it was equally imperative for the government to ensure Malaysians feel that they were in a better position economically and socially.

Muhyiddin, who is the most senior minister after Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad in the Pakatan Harapan cabinet, outlined challenges for Malaysia to achieve developed nation status.

"These challenges include efforts to develop the country in several aspects, such as psychology, economy, social, politics, spirituality and national unity.

"To some people, the last two challenges which I have outlined may appear non-tangible, but these are the facts that we need to deal with.

"It is important for us to pay attention to the spiritual, moral, ethical, cultural and moral development in a rapidly developing country such as Malaysia," said Muhyiddin at the launch of the second session of the "Bicara Merdeka" programme here yesterday.



*Datuk Dr Hafsah Hashim*

Muhyiddin said the government would not be complacent despite the assurance by economists that the country should already be declared a developed nation.

Pharmaniaga Bhd non-executive chairman Datuk Dr Hafsah Hashim, one of the speakers of a forum during the programme, believed the government needed to revisit several policies, as well as draft a new one to ensure that Malaysia was heading in the right path.

She proposed the authorities revive a policy that required total government procurement to have a local product content of 30 per cent.

"The policy will not only help spur domestic consumption, but also compel local companies to produce quality products and stimulate the growth of small- and medium-scale enterprises (SMEs).

"SMEs make up 98 per cent of local businesses.

"They are responsible for almost 70 per cent of employment for working Malaysians. SME exports have also reached 30 per cent.

"Former Bank Negara Malaysia governor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz once said the dynamism and agility of the country's economy came from SMEs," said Hafsah, who is former chief executive of SME Corp Malaysia.



*Datuk Mohd Zarif Hashim*

Another speaker, Akademi Harimau Asia adviser Datuk Mohd Zarif Hashim, proposed for Malaysia to formulate a policy for the importation of foreign-made electric cars into Malaysia, similar to the approved permit concept.

"We should think ahead. In the next 10 years, electric cars will be a big thing.

"Malaysia can come up with a policy requiring manufacturers to create the power source for the vehicles (batteries) right here in Malaysia. This will bring a tremendous multiplier effect to the economy."

Zarif, who is Sapura Secured Technologies Bhd chief executive officer, said it was important for Malaysia to continue to reinvent itself in a challenging economic environment.

**Translation:**
**“Muhyiddin: Issues related to race and religion rising, Sedition Act will be used against agitators”**



中國報
CHINA PRESS
www.chinapress.com.my
https://www.facebook.com/ChinaPressCP https://twitter.com/mychinapress
■PP606/12/2012(031104) ■PP6791/12/2012(031105)
◆己亥年七月廿五 ◆2019年8月25日 星期日 RM1.50 大马半岛

雙龍
DOUBLE DRAGON
MeSTI
雙龍台灣香腸
TAIWAN SAUSAGE
Tel: 607-455 7711, 455 7722 Fax: 607-455 9922
Email: hq@tpdoubledragon.my

# 别當煽動令沒到

## 慕尤丁警告

## 涉種族宗教王室案倍增

■慕尤丁促请各造关注种族、宗教及王室课题日增的现象，并吁为这个不好的现象降温。

（吉隆坡24日讯）“煽动法令还未废除，请别轻举妄动！”

内政部长丹斯里慕尤丁警告，若任何人继续利用种族、宗教和王室课题挑起不满情绪，藉此分裂人民和破坏社会稳定，当局将毫不犹豫采取行动对付，包括援引1948年煽动法令。

慕尤丁指出，警方数据显示，国内的宗教、种族及王室相关课题，比去年增加两倍。

文轉A3

Translation: "Muhyiddin warns: Don't challenge the Sedition Act, issues related to 3R sharply rising"



星洲日報 星期刊
SIN CHEW DAILY
25. 8. 2019 | 星期日 | 己亥年七月廿五日 PP6264/08/2013(032549) 半島 RM1.50

雙龍 DOUBLE DRAGON 雙龍台灣香腸 TAIWAN SAUSAGE

慕尤丁 涉種族宗教案激增

# 煽動令對付滋事者

（吉隆坡24日讯）内政部长丹斯里慕尤丁警告，当局将会援引1948年煽动法令，对付任何继续利用种族、宗教和王室课题挑起不满情绪和分裂人民的人士。

他说，根据警方情报部门向首相和他汇报的数据显示，今年至今，国内发生的种族、宗教以及与王室课题有关的案件，是去年的两倍。

他说，有关数据显示，这类案件使国家趋势陷入了不好的倾向。

慕尤丁今日在亚洲虎学会主办的第二届国庆日论坛发表主题演讲后接受媒体访问时说，他已经指示警方不要向这些挑起事端的人妥协。

"我们不仅仅是再给予口头警告，而是肯定会采取行动。"

他说，政府将会援引现有的法律包括煽动法令对付企图破坏国家和谐与安全的人士。

"煽动法令尚未废除，至于它即将会被修改或废除，是另一回事。目前，它依然存在，没有废除。"

## 提醒各方勿轻举妄动

他提醒各方不要"轻举妄动"，因为警方已经被指示援引现有的法律采取行动。

"只要煽动法令一天存在，它就依然有效。至于同意与否是另一个问题，我认为所有人都同意，国家和谐与安全的问题不能妥协。"

他提醒社会领袖、政治人物、民间社运组织和各种族团体关注这个事实。

他也反问："是不是只要我是马来西亚人，就可以任意发言？若是这样，国家就会陷入混乱。"

慕尤丁说，种族、宗教和王室问题引发的"高温"必须尽快得到解决，以避免不愉快的事件发生。

"我们必须让越来越严重的种族、宗教和王室问题'降温'，我们降温的速度越快，对国家越好。"

慕尤丁认为，如果有任何一方因为有所不满而漠视升温的紧张关系，将会引发不愉快的事件。

他表示，希望大马经过艰难斗争而取得的独立能够继续保持下去，不会因为一些不负责任人士的叛国行为而出现崩陷的情况。

慕尤丁（左）在论坛发表演讲后，获得筹委会主席旺阿末赠送书籍作为纪念。

TV3

https://m.youtube.com/watch?v=cEXRPBUOb4g&feature=youtu.be



TV3

https://m.youtube.com/watch?v=aCWU-M3fn1o



TV 3

https://m.youtube.com/watch?v=TjsAIPzAtww



TV3

https://m.youtube.com/watch?v=aCWU-M3fn1o



# Syor wujud dasar persediaan 10 tahun akan datang

[bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/599458/syor-wujud-dasar-persediaan-10-tahun-akan-datang](bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/599458/syor-wujud-dasar-persediaan-10-tahun-akan-datang)
24 August 2019




KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memulakan usaha mewujudkan dasar baharu yang dapat mempersiapkan syarikat atau industri tempatan untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutif Sapura Secured Technologies, Datuk Zarif Hashim, berkata sekalipun mengadaptasi dasar negara maju, kerajaan perlu memastikan dasar yang bakal diwujudkan itu memenuhi dan bersesuaian dengan tahap kemampuan pemain industri ketika ini.

Beliau berkata, tahap keupayaan dan kemampuan setiap negara berbeza, sekali gus tidak boleh menjadikan negara maju seperti negara di Eropah, Amerika Syarikat (AS) dan China sebagai kayu ukur.

“Apabila kita berhasrat memajukan sesuatu, sudah pasti kita bersaing dengan negara seluruh dunia. Tentulah kita punya tahap (kemampuan dan keupayaan) jika dibanding dengan negara maju lain pasti berbeza.

“Kalau kita tengok China, AS dan negara di Eropah, mereka ada tahap berbeza dari segi keupayaan teknologi berbanding apa yang kita ada di Malaysia.

“Sedikit sebanyak, kita terpaksa menyesuaikan dengan situasi tempatan di negara ini. Kita tak dapat ambil dan laksanakan dasar secara bulat-bulat di Malaysia. Maksudnya, kita kena lihat di mana kita berada dan tahap kita berada sekarang. Jadi dasar yang kita wujudkan harus sesuai dengan tahap kita sekarang ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Bicara Kemerdekaan Kedua: Memperkasakan Industri Berteknologi Strategi Nadi Harimau Asia anjuran Akademi Harimau Asia di Akademi Kenegaraan di sini, hari ini.

Selain Zarif, tokoh lain yang diundang selaku panel dalam forum terbabit adalah Pengerusi Pharmaniaga Berhad, Datuk Dr Hafsah Hashim dan Ketua Pegawai Eksekutif Independence-X Aerospace, Izmir Yamin.

Dalam forum sama, Zarif turut menyentuh isu Permit Import (AP) kereta yang dianggap tidak membantu merancakkan teknologi automobil negara.

Menurut beliau, sejak AP berkenaan diwujudkan kira-kira 20 tahun lalu, ia langsung tidak menyumbang terhadap pembangunan teknologi automobil tempatan.

Beliau turut membangkitkan persoalan sama ada teknologi sama digunakan dalam industri pembuatan kereta dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Kita ada AP sejak 20 tahun lalu. Ia tidak memadai. Jadi, sekarang apa dasar yang kita perlu sebagai persediaan hadapi masa depan?

“Bermula sekarang, kita kena ada satu dasar berkenaan kereta elektrik. Kita kena buat persediaan juga dari segi sistem pendidikan. Jadi, kita kena bersedia sekarang untuk tempoh 10 tahun akan datang.

“Itu antaranya, kalau di sini banyak dasar, kita boleh buat antaranya dasar membabitkan jika ada pihak mahu membawa masuk kenderaan EV (cekap tenaga) ke Malaysia, sumber tenaga seperti bateri kenderaan itu mesti dibuat di Malaysia.

“Langkah ini dapat menggalakkan industri sumber tenaga di negara ini sekali gus boleh dimanfaatkan bukan sahaja dalam industri automobil malah gajet, roket dan sebagainya,” katanya.

Sementara itu, Hafsah berkata, beliau pernah mencadangkan supaya meletakkan syarat sekurang-kurangnya 30 peratus perolehan kerajaan mesti dalam kalangan syarikat tempatan.

Beliau berkata, usaha itu dibuat ketika memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia.

“Ini kerana, kebanyakan syarikat di Malaysia adalah 98.5 peratus membabitkan perusahaan kecil sederhana (PKS). PKS di Malaysia umpama nadi pertumbuhan negara.

“Ketika itu, apa yang cuba saya ingin buat adalah sedaya upaya untuk pastikan melalui perolehan kerajaan, kena utamakan orang Malaysia. Beli barangan tempatan yang berkualiti yang menepati piawaian domestik dan antarabangsa,” katanya.


YouTube MY
Search
HARIMA
Sayangi Malaysiaku
ISU SENSITIF
WUJUD KECENDERUNGAN TIDAK BAIK MEMBABITKAN 3R
0:18 / 0:59
#BuletinTV3 #isusensitiviti
Wujud Kecenderungan Tidak Baik Membabitkan 3R

# 'Suhu panas' berkaitan isu 3R harus diredakan - Muhyiddin

**astroawani.com**/berita-malaysia/suhu-panas-berkaitan-isu-3r-harus-diredakan-muhyiddin-215794
Isabelle Leong , Astro Awani | Ogos 24, 2019 13:41 MYT

## Berita | Malaysia




Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata berdasarkan data-data yang dikumpul oleh pihak polis, ia menunjukkan terdapat kecenderungan berlakunya sesuatu yang tidak baik. - Foto Astro AWANI

**KUALA LUMPUR**: Kerajaan mengesan perbuatan pihak tertentu yang cuba membangkitkan isu perkauman dan 3R (*Race, Religion and Royalty*) iaitu Kaum, Agama dan Institusi Diraja telah meningkat dua kali ganda pada tahun ini berbanding 2018.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata berdasarkan data-data yang dikumpul oleh pihak polis, ia menunjukkan terdapat kecenderungan berlakunya sesuatu yang tidak baik.

Muhyiddin berkata ‘suhu panas’ yang meningkat susulan isu 3R ini harus diredakan dengan secepat mungkin bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku.

Ujarnya, amaran tegas dikeluarkan dan beliau sudah memaklumkan kepada pihak polis supaya tidak bertolak ansur sekiranya terdapat pihak yang masih mencetuskan sentimen melibatkan 3R.

“Kami harus turunkan ‘suhu’ yang semakin meningkat berdasarkan sentimen perkauman, agama dan institusi Diraja ini. Lebih cepat kami turunkan, lebih baik untuk negara.

“Jika ada pihak yang tidak berpuas hati dan tidak memikirkan tentang tahap suhu yang meningkat, maka akan berlaku sesuatu yang tidak baik.

“Saya sudah mengeluarkan amaran tegas dan memaklumkan kepada pihak polis bahawa kita tidak boleh bertolak ansur dalam keadaan sebegini,” katanya kepada wakil media selepas merasmikan program Bicara Merdeka Kedua di ibu kota pada Sabtu.

Tambahnya, kerajaan tidak akan berkompromi jika masih terdapat pihak yang tidak

bertanggungjawab dan terus mencetuskan sentimen perkauman, keagamaan dan berhubung dengan soal institusi raja.

“Jika ada pihak yang tidak bertanggungjawab dan buat sesuatu yang boleh mencetuskan sentimen-sentimen perkauman, keagamaan atau berhubung dengan soal institusi raja dan lain lagi, kami tidak boleh berkompromi.

“Tindakan akan diambil dan akan terus diambil, bukan setakat memberi amaran sahaja.

“Data-data yang dikumpul pihak polis dan ditaklimatkan kepada saya serta Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menunjukkan bahawa sudah terdapat kecendurungan yang tidak baik berasaskan 3R itu.

“Terbukti peristiwa-peristiwa yang tercetus di banyak tempat dalam negara kita dan disatukan bilangannya agak hampir dua kali ganda daripada tahun yang lalu,” katanya lagi.

Beliau berharap agar kemerdekaan yang sudah dicapai dapat terus terpelihara dan tidak runtuh disebabkan perbuatan khianat terhadap negara oleh sesetengah pihak.

Oleh itu, beliau menyeru pimpinan politik, masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kaum supaya mengambil berat perkara tersebut demi keamanan negara.

Tag: Muhyiddin Yassin, 3R, Race Religion and Royalty, Kaum Agama dan Institut Diraja, sentimen perkauman, kecenderungan, kompromi

# Gojek: Women's safety will be given top priority - Syed Saddiq

edgeprop.my/content/1578544/gojek-womens-safety-will-be-given-top-priority-syed-saddiq




He said with the safety standards to be enforced on the e-hailing ride services, women passengers will have several options when sharing the ride. (Picture by Low Yen Yeing / EdgeProp.my)

Bernama August 25, 2019

KUALA LUMPUR (Aug 25): Women's safety will be top priority when they ride on the Gojek motorcycles, said Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

He said with the safety standards to be enforced on the e-hailing ride services, women passengers will have several options when sharing the ride.

"It is better for the Minister of Transport to talk on this (safety) but the safety requirements will definitely be in place.

"In other countries for example, they have the Pink Version Gojek exclusively for women ... giving women greater choice," he said when met by reporters at the closing of the second session of the 'Bicara Merdeka' programme here today.

Meanwhile the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) stands firm on the issue of safety of women and children taking Gojek rides.

Its Deputy Minister Hannah Yeoh said the ministry would discuss on the proposal and mechanism for the motorcycle ride hailing services at length, after receiving the details from the Transport

Ministry (MOT).

“Regardless of the mode of transport, be it Grab Car, Gojek or whatever, the safety of children, women and of course the disabled, is of paramount importance to the ministry.

"Once we have the details from MOT we will review the framework and formally submit our proposals," she said after opening the Titiwangsa Senior Citizens Activity Centre (PAWE) at PPR Hiliran Ampang here, today.

She said this when asked on the ministry’s views on preventing women from being caught in unwanted situations when using the motorcycle transport service.

Yesterday, Transport Minister Anthony Loke Siew Fook was reported as saying that he was confident that a new mechanism for the ride hailing service would be established taking into consideration the safety of riders and passengers as well as Muslims’ sensitivity towards the ride-sharing issue.

**2 980** sqft

RENT

FEATURED

**Austin Regency**



Johor Bahru, Johor

by Usha Sha

RM 1,800

**2** beds | **2** bath | **999** sqft

SALE

FEATURED

**SS2 PETALING JAYA 3-STOREY SHOPLOT**



Petaling Jaya, Selangor

by BERNICE LIM

RM 4,950,000

beds | bath | **5040** sqft

SALE

FEATURED

**Endlot 1 Storey Nusari Bayu Bandar Seri Sendayan**

Seremban, Negeri Sembilan

# Don’t trigger issues on race, religion, royalty, Muhyiddin warns

freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/08/24/dont-trigger-issues-on-race-religion-royalty-muhyiddin-warns
August 24, 2019



Home Minister Muhyiddin Yassin.

KUALA LUMPUR: Home Minister Muhyiddin Yassin has expressed concern over rising sentiments regarding race, religion and royalty (3R) in the country recently.

He said police data showed the number of incidents involving these three issues had doubled since the beginning of the year when compared to last year.

“Irresponsible people may trigger the sentiments of the people. We cannot compromise with these people as this is not good for the country,” he told reporters at Akademi Kenegaraan BTN today.

He said as the minister in charge, he would not tolerate anyone who provoked the people and breached the peace.

He said he had instructed police to take all necessary action to preserve the peace and unity in the country.

“If we can’t control the situation, it will create instability in the country and affect all the progress we have achieved all this while.”

He said Malaysia is a multiracial country with multiple religions. The contributions of all races to the progress of the country could not be forgotten and were part of history.

“Don’t bring up matters which have already been agreed upon, like religion, the right of the Bumiputeras and the role of the royal institution.”



Muhyiddin meets Mohd Zarif Hashim, who is CEO of Sapura Secured Technologies and adviser to Akademi Harimau Malaysia.

Earlier this week, Inspector-General of Police Abdul Hamid Bador had warned all quarters to stop raising sensitive issues and to cease all forms of action that could aggravate the situation, including holding "peaceful" assemblies.

He said police would take action against the organisers and participants of assemblies that could jeopardise public order and national security.

Muhyiddin said he would leave it to police to take action against the two men who were arrested for participating in the anti-khat rally in Brickfields last night.

He reminded the people that the Sedition Act had not been repealed. "I have told police to use it as long as it is still there."

Kuala Lumpur police chief Mazlan Lazim said the two men detained, aged 34 and 67, were nabbed for offences under the Peaceful Assembly Act (PAA) for attending the illegal gathering.

Mazlan said the gathering, held from 7pm to 8.30pm, did not get police approval as it failed to fulfil requirements under the PAA.

# Isu berkait raja, agama dan kaum naik 2 kali ganda dari 2018, kata Muhyiddin

[freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/08/24/isu-berkait-raja-agama-dan-kaum-naik-2-kali-ganda-dari-2018-kata-muhyiddin](freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/08/24/isu-berkait-raja-agama-dan-kaum-naik-2-kali-ganda-dari-2018-kata-muhyiddin)
August 24, 2019



Muhyiddin Yassin (kiri) menerima cenderahati buku daripada Ketua Penyelaras Akedemi Harimau Asia, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal selepas program "Bicara Kemerdekaan Kedua: Memperkasakan Industri Berteknologi Strategik Nadi Harimau Asia" di Akademi Kenegaraan di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: Menteri Dalam Negeri, Muhyiddin Yassin berkata statistik polis menunjukkan isu "3R" iaitu agama, perkauman dan raja meningkat 2 kali ganda berbanding tahun lalu.

"Sudah terdapat kecenderungan tak baik berdasarkan 3R.

"Maknanya ada sesuatu yang tak baik disebabkan kenyataan pihak tertentu," katanya selepas merasmikan program "Bicara Kemerdekaan Kedua: Memperkasakan Industri Berteknologi Strategik Nadi Harimau Asia" hari ini.

Semalam, Ketua Polis Kuala Lumpur, Mazlan Lazim melarang perhimpunan anti-Dr Zakir Naik dan tulisan khat diadakan di Brickfields atas faktor keselamatan.

Katanya, tindakan tegas akan dikenakan terhadap individu yang melanggar perintah dan menasihatkan orang ramai mengelakkan kawasan itu.

Hari ini, Muhyiddin memberi amaran tidak akan bertolak ansur dengan pihak yang menggunakan isu berkaitan raja, agama dan perkauman untuk merosakkan kestabilan serta keamanan yang didokong perjuangan pelbagai bangsa.

"Saya bimbang kalau kita tak kawal keadaan sebegini, maka dia boleh cetuskan keadaan ketidakstabilan dalam negara kita yang boleh ganggu usaha-usaha yang telah dilakukan selama ini."

**2 ditahan dalam himpunan di Brickfields**

Muhyiddin menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap 2 individu yang ditahan dalam perhimpunan di Brickfields semalam.

Beliau turut mengingatkan semua pihak tidak bermain dengan Akta Hasutan yang masih digunakan kerajaan.

"Saya nak ingatkan jangan main-main. Saya sudah bagi arahan guna apa saja undang-undang selagi belum dimansuhkan, maka dia masih berkuatkuasa."

**Exco Perak diminta bercuti**

Muhyiddin menyerahkan kepada pucuk pimpinan Perak untuk menyelesaikan isu berhubung Exco Perak, Paul Yong yang enggan bercuti selepas mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan merogol seorang pembantu rumahnya bulan lalu.

Kelmarin, Menteri Besar Perak, Ahmad Faizal Azumu menasihatkan Yong yang juga Adun Tronoh bercuti daripada tugas rasmi sehingga perbicaraan kesnya selesai.

Tetapi, selepas mengaku tidak bersalah terhadap dakwaan rogol itu, Yong semalam dilaporkan berkata, tiada sebab untuk beliau bercuti kerana belum disabitkan bersalah.

Beliau turut menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap cara polis menjalankan siasatan.

Terdahulu, Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, Ngeh Koo Ham membuat laporan polis mendakwa lelaki yang membawa pembantu rumah Yong membuat laporan polis terhadapnya dibayar RM100,000.

Beliau percaya ada muslihat di sebalik kes itu kerana mendakwa lelaki terbabit diugut dengan pistol supaya tidak membongkarkan rahsia dan mahu polis membuka semula kes rogol berkenaan.

# Development has to be Malaysian-style, not dependent on international recognition

nst.com.my/news/nation/2019/08/515636/development-has-be-malaysian-style-not-dependent-international
24 August 2019




By Adib Povera



August 24, 2019 @ 5:39pm

KUALA LUMPUR: The greatest challenge faced by the government in returning Malaysia to its former glory is developing the country according to its own mould instead of relying solely on recognition by international organisations.

Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said although Malaysia plans to meet the benchmark standards imposed by global bodies such as the United Nations Development Programme (UNDP) and Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), it is equally imperative for the government to ensure Malaysians feel that they are in a better position in economic and social aspects.

Muhyiddin, who is the most senior minister after Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad in the Pakatan Harapan Federal Cabinet, also outlined several challenges for Malaysia to achieve developed nation status.

“These challenges include efforts to develop the country in several aspects such as psychological, economy, social, politics, spiritual and national unity.

“To some people, the last two challenges which I have outlined may appear non-tangible but these are the facts that we need to deal with.

“It is important for us to pay attention to the spiritual, moral, ethical, cultural values, and moral development in a rapidly developing country such as Malaysia,” said Muhyiddin during the launch of the second session of the ‘Bicara Merdeka’ programme here today.

The-day long programme was organised by Akademi Harimau Asia, a digital academy under the Asian Tiger initiative launched by Dr Mahathir on April 1 last year.

Muhyiddin said the government will not be complacent despite the assurance by economists that Malaysia should already be declared a developed nation.

Meanwhile, Pharmaniaga Bhd non-executive chairman Datuk Dr Hafsah Hashim, who was one of the speakers at a forum during the programme, believed the government needs to revisit several policies and draft a new policy to ensure that Malaysia was heading towards the right path.

She proposed for the authorities to revive a policy which states that from the total government procurement, 30 per cent must be locally-made products.

“The policy will not only help spur domestic consumption but will also compel local companies to produce quality products and stimulate the growth of small and medium enterprises (SMEs).

“SMEs make up 98 per cent of local businesses and is responsible for almost 70 per cent of employment for working Malaysians. SME exports have also reached 30 per cent.

“Former Bank Negara Malaysia governor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz once said the dynamism and agility of the country’s economy comes from SMEs,” said Hafsah, who is also the former chief executive of SME Corp Malaysia.

Another speaker, Akademi Harimau Asia advisor Datuk Mohd Zarif Hashim, proposed for Malaysia to formulate a policy for the import of foreign electric cars into Malaysia, similar to the that of the Approved Permits (AP) concept.

“We should think ahead and in the next 10 years, electric cars will be a big thing.

“Malaysia can come up with a policy requiring manufacturers to create the power source of the vehicles (batteries) right here in Malaysia. This will bring a tremendous multiplier effect to the country’s economy,” he said.

Zarif, who is Sapura Secured Technologies Bhd chief executive officer, said it was important for Malaysia to continue to reinvent itself in a challenging economic environment.

# Malaysia must prove its worth to stay relevant, says Sapura Technologies CEO

freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/08/24/malaysia-must-prove-its-worth-to-stay-relevant-urges-sapara-techologies-ceo
August 24, 2019



